

# Bangunkan Parit Raja, Panchor bandar universiti

Oleh MUHAMMAD AIMY AHMAD  
utusanjohor@utusan.com.my

■ BATU PAHAT 18 APRIL

**B**ANDAR universiti terkemuka dunia, Oxford di United Kingdom (UK) dicadangkan menjadi model bagi membangunkan kawasan Pekan Parit Raja di Sri Gading dan Panchor, Pagoh dekat sini.

Hal ini kerana, kerajaan negeri melihat keperluan kedua-dua pekan berkenaan yang memiliki beberapa institusi pendidikan, boleh membantu meningkatkan taraf ekonomi penduduk setempat seperti yang terdapat di Oxford.

Menteri Besar, Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin berkata, fasiliti lengkap perlu diwujudkan di kawasan berkenaan bagi menampung keperluan dan permintaan semasa dengan membangunkan pelbagai infrastruktur supaya lebih maju selain sebagai produk pelancongan yang lebih kemas dan tersusun.

“Sebagai permulaan di Parit Raja, kerajaan negeri meluluskan RM1 juta untuk membina sebuah dataran yang boleh menjadi tempat riadah yang bukan sahaja dapat digunakan oleh penduduk setempat tetapi pelajar dan orang luar yang berkunjung.

“Ia juga mampu menyumbang kepada faktor kecantikan dan menaik taraf pekan Parit Raja serta mampu meningkatkan pendapatan usahawan-usahawan tempatan,” katanya berucap dalam majlis penyampaian hak milik tanah



MOHAMED KHALED NORDIN (kiri) beramah mesra dengan para pekerja OKU yang menyiapkan sampul surat di Majlis Pusat Kebajikan SeMalaysia Batu Pahat semasa lawatan kerja ke Parlimen Sri Gading, Johor, kelmarin. - UTUSAN/ISHAK RAHMAD

di Kampung Felcra Sri Wangi, di sini semalam.

Yang turut hadir, Ahli Parlimen Sri Gading, Datuk Ab. Aziz Kaprawi; Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Parit Raja, Puan Sri Azi-

zah Zakaria dan Setiausaha Kerajaan Negeri, Datuk Azmi Rohani.

Terdahulu, Mohamed Khaled melakukan lawatan kerja ke Parlimen Sri Gading termasuk meluluskan peruntukan lebih RM40

juta bagi membangunkan kawasan tersebut.

Jumlah itu meliputi kerja-kerja menyelenggara dan melebar jalan-jalan di sekitar Parlimen tersebut serta projek menaik taraf

perparitan dan saliran di situ yang menelan kos lebih RM30 juta.

Mohamed Khaled berkata, bagi meningkatkan pendapatan usahawan tempatan, kerajaan negeri bersetuju membina kiosk niaga di



Sebagai permulaan di Parit Raja, kerajaan negeri meluluskan RM1 juta untuk membina sebuah dataran yang boleh menjadi tempat riadah yang bukan sahaja dapat digunakan oleh penduduk setempat tetapi pelajar dan orang luar yang berkunjung.”

MOHAMED KHALED NORDIN  
Menteri Besar Johor

Downtown Parit Raja dengan kos RM1 juta dan kira-kira RM2.2 juta lagi untuk mewujudkan ‘pusat ole-ole’ di dua kawasan dalam Sri Gading.

Beliau menambah, pekan Parit Raja misalnya, amat penting kepada Johor kerana mencerminkan imej negeri itu memandangkan kehadiran ramai orang luar yang menyambung pengajian di Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) dan beberapa kolej kemahiran lain.

Sementara itu, seramai 208 keluarga dari Kampung Jasa Wangi dan Kampung Felcra Sri Wangi menerima hak milik tanah masing-masing selepas penantian hampir 30 tahun sejak mereka mendiami kawasan itu mulai 1963.